Batas Iman Dan Kufur

Iman merupakan sesuatu yang cukup penting dalam kehidupan seorang mukmin. Hukum syara' telah menjelaskan bahawa Iman dan Islam itu ada pintu masuk dan juga pintu keluarnya. Sesungguhnya ikrar dan mentasdiqkan dua kalimah syahadah itu menjadi pintu dan kuncinya.

Seseorang dianggap keluar daripada Iman dan Islam apabila lahir daripadanya perkataan, perbuatan atau i'tiqad yang membatalkan ikrar dan tasdiq keimanan. Oleh itu sesiapa yang bercakap atau melakukan perkara-perkara yang menunjukkan keingkarannya terhadap ikrar syahadah maka syahadahnya terbatal dan keluarlah ia dari Islam.

Iman : Ikrar dengan lidah, membenarkan dengan hati dan beramal dengan perbuatan.

Kufur : Ingkar dengan apa yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. supaya beriman setelah ditegakkan segala hujjah-hujjah, disampaikan kebenaran itu dan dinyatakan kepada mereka yang melakukan amalan-amalan yang dianggap ingkar menurut nas-nas yang sahih.

Batas-Batas Keimanan :
Antara batas-batas utama yang menjadikan terbatalnya Iman seseorang itu adalah :

1. Mengingkari atau mencela sifat Rububiyyah Allah s.w.t.
Menjadi keutamaan dalam kehidupan seorang mukmin ialah mentauhidkan Allah s.w.t. dalam apa jua urusan samada rezeki, kehidupan, kejadian alam dan sebagainya. Sesungguhnya Allah s.w.t. lebih mengetahui segala apa yang berada di bawah pentadbiran-Nya.

Contohnya, terdapat sebahagian daripada umat Islam hari ini seolah-olah tidak merasai bahawa apa yang diterima adalah daripada Allah s.w.t. Apabila digertak oleh mana-mana pihak, mereka merasakan bahawa pihak tertentu akan menggugat mata pencarian mereka, lantaran bagai lembu yang dicucuk hidung, mereka menurut segala arahan walaupun bersalahan dengan syari'at Islam.

2. Mengingkari atau mencela sifat Uluhiyyah Allah s.w.t.
Kebanyakan daripada umat Islam meyakini bahawa segala penciptaan adalah kekuasaan Allah s.w.t. Namun tidak ramai yang berusaha untuk melakukan pengabdian secara mutlak hanya kepada Allah s.w.t. semata-mata. Seolah-olah tidak merasai bahawa segala apa yang dilakukan akan dipersoalkan di padang mahsyar nanti.

Merelai yang lain daripada Allah sebagai kuasa yang menghalalkan dan mengharamkan atau kuasa perundangan dan kuasa pemerintahan.

3. Mengingkari atau mencela Rasulullah s.a.w., kerasulannya dan apa yang dibawanya dalam rupa hukum syari'at.
Perkara tersebut berlaku dengan i'tiqad, perkataan dan perbuatan, di mana sesiapa yang melakukannya batallah imannya dan keluarlah ia dari Islam.

Umpamanya mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai gundik yang ramai dan hanya tahu memuaskan hawa nafsu semata-mata lantaran memiliki isteri yang melebihi 4 orang. Ada segelintir daripada mereka yang mengaku Islam tetapi meragui apa yang disampaikan oleh Baginda s.a.w.

4. Menolak atau menentang hukum Syari'at Allah.
Menyakini bahawa syariat, perundangan, hukum dan hudud yang telah disyariatkan oleh Allah tidak mengandungi sebarang hikmat adalah perbuatan kufur terhadap Allah. Sepertimana yang banyak berlaku kini, perlaksanaan hukum yang tidak berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

5. Keengganan mengiktiraf nikmat Allah samada nikmat berbentuk lahiriah atau sebaliknya.

6. Mencintai hidup dunia lebih daripada hidup di akhirat dan menjadikan dunia sebagai matlamat utama yang unggul dan terakhir.

Dikeluarkan oleh Syukbah Dakwah dan Pendidikan, Masjid Negeri Sabah. Siri 33/06